

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Penyata Pendedahan Produk (PPP) ini memberikan maklumat penting mengenai pinjaman anda.

Pelanggan lain telah membaca PPP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga dinasihatkan untuk membacanya.**



BANK SIMPANAN NASIONAL

Tarikh: _____

1 Apakah BSN Amanah Saham Bumiputera (ASB) Term Loan?

BSN ASB Term Loan adalah pinjaman berjangka yang bercagar untuk membiaya langganan unit-unit Amanah Saham Bumiputera (ASB). Produk ini ditawarkan berdasarkan kadar berubah, di mana faedah dikira menggunakan kaedah asas baki bulanan. Faedah ditentukan berdasarkan baki prinsipal pada akhir setiap bulan. Jumlah ansuran bulanan akan berubah sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS).

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk pinjaman berjangka ini, **sebagai ilustrasi:**

- Jumlah pinjaman anda = **RM105,000**
- Ansuran bulanan anda = **RM443**
- Tempoh pinjaman anda = **40 tahun**
- Kadar Asas Standard (KAS)* = **2.75%**
- Kadar Faedah Efektif (EIR) = **KAS + 1.32% = 4.07% setahun**

Jumlah yang perlu anda bayar adalah RM212,839 untuk tempoh 40 tahun.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- Duti Setem: - **RM10** - Surat Tawaran
- **RM10** - Memorandum of Deposit
- **RM10** - Surat Jaminan (Jika ada)
- Fi Wasiat (Jika berkenaan): **RM500**
- Fi Sijil ASNB: **RM54 (termasuk SST sebanyak 8%)**
- Ikhlas Group Personal Accident Takaful (Pilihan): **RM540**
- Caj Bayaran Lewat: **1% setahun** ke atas amaun tertunggak.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya **selama tempoh pinjaman**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pinjaman anda lebih awal.



Pastikan anda mampu membayar ansuran yang lebih tinggi sekiranya Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat.



Segera hubungi BSN sekiranya anda tidak dapat membuat pembayaran ansuran bulanan.

**KAS boleh meningkat atau menurun bergantung kepada perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang diputuskan oleh Bank Negara Malaysia. Layari laman web kami <https://www.bsn.com.my/page/profit-rates> untuk maklumat lanjut siri sejarah KAS.*

Jika anda ingin menyelesaikan pinjaman anda lebih awal, anda perlu tahu:

- Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank.
- Tiada tempoh 'lock-in' untuk kemudahan ini.
- Bank berhak untuk mengenakan apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut.

3 Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj bayaran lewat dan faedah berganda.
- BSN berhak untuk **melaksanakan penjualan semula unit ASB** sekiranya tiada bayaran bulanan selama dua (2) bulan atau lebih.
- BSN berhak **menolak selesai baki tertunggak** pembiayaan anda daripada sebarang wang dalam akaun simpanan BSN anda.
- BSN berhak **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda, sekiranya berlaku kemungkiran terhadap terma pembiayaan oleh anda.
- **Skor kredit** anda mungkin terjejas, menjadikan permohonan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat sepanjang tempoh pembiayaan anda.

KAS mungkin meningkat disebabkan kenaikan OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kenaikan KAS bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

	Kadar Semasa 4.07% setahun	Kadar Meningkat sebanyak 1%	Kadar Meningkat sebanyak 2%
Ansuran Bulanan	RM443	RM511	RM583
Jumlah keseluruhan kos faedah di akhir tempoh pinjaman 40 tahun	RM107,839	RM140,373	RM174,765
Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh pinjaman 40 tahun	RM212,839	RM245,373	RM279,765

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

4 Terma Utama Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada BSN sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Langganan kepada Ikhlas Group Personal Accident Takaful adalah pilihan.
- Perlindungan Insuran (Pilihan) mungkin berbeza berdasarkan umur / tempoh / jumlah pinjaman.
- Tiada penjamin diperlukan untuk produk ini.
- Jumlah pinjaman akan dibayar terus untuk melanggan unit ASB anda, manakala unit tersebut mesti dicagar kepada BSN sekiranya berlaku kegagalan bayaran.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pinjaman berjangka anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
Tel: 03-2613 1900
(8.00am – 10.00pm)



Kunjungi kami di:
[https://www.bsn.com.my/page/loans?
lang=ms-MY](https://www.bsn.com.my/page/loans?lang=ms-MY)



Emel kami di:
customercare@bsn.com.my



Imbas kod QR di atas

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang anda tandatangani.

- ☐ Saya mengakui bahawa **Bank Simpanan Nasional** telah memberikan saya salinan PPP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PPP.

** Pengakuan pelanggan terhadap perkara ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma dan syarat produk di kemudian hari.*

.....
Nama:
Tarikh: